

**KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN PELAJAR DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL
KANAK-KANAK TERHADAP PELAKSANAAN PENGAJARAN
MIKRO DI UNIVERSITI MELAKA**

Muhammad Izzat Mailis
Fakulti Bahasa dan Pendidikan
Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: muhammadizzat@unimel.edu.my

Article history:

*Received : 26 October 2023
Accepted : 10 November 2023
Published : 31 December 2023*

ABSTRAK

Abstract

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka kefahaman dan kesediaan pelajar semester tiga program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak terhadap pelaksanaan pengajaran mikro di Universiti Melaka. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan reka bentuk kajian kes yang melibatkan seramai tiga orang pelajar sebagai peserta kajian. Sampel kajian ini dipilih secara pensampelan bertujuan kerana pengkaji ingin melihat ciri-ciri tertentu sahaja. Kajian ini telah menggunakan protokol temu bual yang mengandungi dua soalan sebagai instrumen kajian untuk menjawab kepada persoalan kajian. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kefahaman dan kesediaan pelajar-pelajar semester tiga program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Universiti Melaka terhadap pelaksanaan pengajaran mikro berada pada tahap yang baik tetapi masih perlu dipertingkatkan lagi. Perbincangan kajian menyentuh tentang kepentingan pengajaran mikro kepada semua bakal guru pelatih kerana ia merupakan satu bentuk simulasi pengajaran sebelum mereka menjalani latihan mengajar yang sebenar di sekolah. Setiap orang bakal guru pelatih perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan kanak-kanak di tadika atau prasekolah.

Kata kunci: Kefahaman, kesediaan, pelajar-pelajar Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak, pelaksanaan pengajaran mikro

Abstract

This study was conducted to explore the understanding and readiness of students in the third semester of the Diploma in Early Childhood Education towards the implementation of micro-teaching at the

University of Melaka. This study is qualitative using a case study design involving a total of three students as participants. The sample of this study was selected by purposive sampling because the researcher wanted to see only certain characteristics. This study used an interview protocol containing two questions as an instrument to answer the questions. The findings of the study have shown that the understanding and readiness of students in the third semester of the Diploma in Early Childhood Education at the University of Melaka towards the implementation of micro-teaching is at a good level but still needs to be improved. The discussion of the study touches on the importance of micro-teaching to all prospective teacher trainees because it is a form of teaching simulation before they undergo real teaching training at school. Every prospective teacher trainee needs to prepare himself with sufficient knowledge especially when dealing with children in kindergarten or preschool.

Keywords: *Understanding, readiness, students of the Diploma in Early Childhood Education, implementation of micro-teaching*

Pengenalan

Pengajaran adalah satu kaedah atau cara mengajar yang khusus melibatkan guru sebagai pengajar dan murid sebagai pembelajar. Dalam mengajar, guru akan menggunakan pelbagai strategi, kaedah dan teknik yang bersesuaian untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut sesuatu topik pembelajaran yang diajar. Menurut Kamarudin, Abdullah, Abdul Kadir dan Mohd Rashid (2014), pengajaran adalah suatu jaringan yang dikendalikan oleh guru bagi menghubungkan murid-murid melalui pemahaman yang dijangka dapat dipindahkan setelah hubungan itu dikawal baik oleh kaedah tertentu yang digunakan. Dalam erti kata lain, proses dalam pengajaran dan pembelajaran memerlukan tumpuan daripada murid untuk mereka memahami sesuatu topik yang dipelajari dan komitmen guru sebagai pemudahcara untuk mengendalikan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan.

Bagi seseorang bakal guru, konsep dalam pengajaran perlu dikuasai oleh mereka melalui subjek pedagogi. Ini kerana dalam subjek pedagogi mereka akan diajar tentang banyak perkara bagi mempersiapkan diri sebelum menjalani latihan mengajar di sekolah. Antara yang dipelajari dalam subjek tersebut ialah mereka perlu mengetahui tentang strategi, kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, mereka juga perlu menjalankan latihan simulasi atau dalam bahasa saintifiknya adalah pengajaran mikro. Tujuan pengajaran mikro dilaksanakan adalah untuk memberi peluang kepada bakal guru mempraktikkan kemahiran mengajar dalam situasi terancang. Dalam sebuah bilik darjah, guru dikatakan mempunyai peranan sebagai seorang komunikator, fasilitator, motivator, pentadbir dan kaunselor (Koswara dan Halimah dalam Dirgantoro, 2020). Oleh itu, peranan guru yang kompleks, kemudian seseorang guru juga perlu mempunyai kompetensi tertentu agar dapat menjalankan peranannya dengan baik semasa aktiviti pengajaran dilaksanakan (Kilic, 2010). Sisman dan Acat dalam Kurnia Putri (2020) menyatakan bahawa untuk seseorang guru memiliki kecekapan

sokongan mengajar, bakal guru ini perlu diberi latihan awal sebelum menjadi seorang guru pelatih (Kilic, 2010). Salah satu caranya apa yang boleh dilakukan ialah melalui pengajaran mikro.

Tambahan lagi, dalam pengajaran mikro terdapat beberapa elemen kemahiran asas mengajar yang perlu disediakan, iaitu kemahiran set induksi, kemahiran penerangan, kemahiran variasi rangsangan, kemahiran menyoal, kemahiran penegasan lisan dan bukan lisan serta kemahiran penutup (Asril dalam Tutiariani, Fitri, Ridwin, Nanda dan Herman, 2023). Menurutnya lagi kemahiran-kemahiran ini akan diperhatikan apabila bakal guru pelatih dapat mengaplikasikan dan mengimplementasikannya semasa melaksanakan aktiviti pengajaran mikro. Bakal guru pelatih juga perlu membuat persediaan untuk menggunakan salah satu kemahiran asas mengajar dalam aktiviti pengajaran mikro. Menurut Murtafiah, Lukitasari, Lestari, Zayyadi dan Widodo (2022), salah satu contoh elemen dalam pengajaran adalah aktiviti pengenalan yang dapat memberikan motivasi pelajar dan tumpuan mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran. Menerusi pengajaran mikro ini juga, pelajar akan dapat mengetahui sebarang bentuk kelemahan yang perlu diatasi dan diperbaiki sebelum mereka melangkah ke situasi sebenar (Mohd Khairezan, 2019). Oleh itu, kajian ini akan melihat kesan dan impak pengajaran mikro ke atas kefahaman dan kesediaan bakal guru pelatih.

Permasalahan Kajian

Kaedah pengajaran mikro adalah suatu bentuk cara yang digunakan dalam aktiviti simulasi pengajaran oleh para pelajar dalam bidang pendidikan atau perguruan. Ia merupakan satu aktiviti wajib yang perlu dilakukan oleh para pelajar untuk menguasai kemahiran pengajaran.

Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan dalam kalangan pelajar-pelajar program pendidikan ini untuk memahami kaedah pengajaran mikro dan juga cara bagaimana mengimplementasikan ke dalam latihan pengajaran. Asma Hilmi, Zarima dan Ai Fatimah Nur (2020) menjelaskan bahawa sesuatu pengajaran akan dilihat mempunyai impak yang positif sekiranya guru memiliki pemahaman yang mendalam tentang isi kandungan pembelajaran. Sememangnya, pengajaran mikro dalam pedagogi pengajaran adalah sebagai latihan simulasi sebelum guru-guru pelatih menjalani latihan mengajar yang sebenar. Oleh itu, strategi yang akan digunakan juga dapat meningkatkan kemahiran pengajaran guru-guru pelatih dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang sesuai dengan pendekatan pembelajaran masa kini (Ahmad Fikrul, 2023). Selain itu, cabaran di zaman pandemik Covid-19 juga menyaksikan bahawa amalan pengajaran mikro tidak digunakan dengan sebaiknya oleh para pelatih (Kidd and Murray, 2020) sehingga sesi pembelajaran bersemuka dilaksanakan kembali mereka tidak mampu untuk menguasai amalan dalam pengajaran mikro dengan baik (Zalavra & Makri, 2022). Masalah juga berlaku dalam kalangan pelatih apabila mereka sering mengalami kesukaran untuk melaksanakan metodologi dan strategi pengajaran yang sesuai untuk

membangunkan amalan pedagogi yang inovatif dan mengubah suai atau menstruktur semula pelajaran mereka semasa proses pengajaran mikro (Park, 2022).

Kesan daripada permasalahan ini sudah pasti akan menimbulkan banyak persepsi negatif dalam kalangan masyarakat tentang kemampuan dan keupayaan guru-guru pelatih untuk mengajar. Intan, Qisthina, Silvia, Intan Wahyuni dan Fauziah (2023) menyatakan bahawa sekiranya penguasaan bakal guru pelatih dalam pengajaran mikro berada di tahap yang baik sudah pasti mereka dapat meningkatkan kemahiran pengajaran dengan menggunakan pelbagai strategi dan teknik yang betul. Hafizah, Ari Kurniawan, Syamsu Hidayat dan Dyah Utami (2023) turut menjelaskan bahawa sekiranya pengajaran mikro tidak dapat dikuasai dengan baik oleh para pelatih, ia mungkin akan menjejaskan prestasi mereka apabila menjalani latihan mengajar di sekolah. Dalam pada itu, pandemik yang telah melanda dunia juga turut memberi kesan kepada para guru pelatih untuk menguasai kemahiran pengajaran mikro telah menyukarkan proses latihan simulasi berjalan dengan baik disebabkan oleh pelaksanaannya dijalankan secara dalam talian (Setyo dan Beny, 2022).

Daripada masalah dan kesan yang telah diuraikan di atas, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka kefahaman dan kesediaan pelajar-pelajar semester tiga Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak di Universiti Melaka terhadap pelaksanaan pengajaran mikro.

Objektif Kajian

Dalam kajian ini, terdapat dua (2) objektif yang difokuskan, iaitu:

- i. Meneroka kefahaman pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak tentang kemahiran pengajaran mikro; dan
- ii. Meneroka kesediaan pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi aktiviti pelaksanaan pengajaran mikro.

Soalan Kajian

Berdasarkan daripada objektif kajian yang dinyatakan, dua (2) soalan kajian juga dikemukakan untuk menjawab keseluruhan kajian ini nanti. Antaranya ialah:

- i. Bagaimanakah kefahaman pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak tentang kemahiran pengajaran mikro?
- ii. Bagaimanakah kesediaan pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi aktiviti pelaksanaan pengajaran mikro?

Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah sebagai satu bentuk penerokaan terhadap kefahaman dan kesediaan pelajar program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak terhadap pelaksanaan pengajaran mikro di Universiti Melaka. Kepentingan kajian ini dilihat sebagai satu panduan tatakelola kepada bakal-bakal guru pelatih untuk melakukan latihan simulasi pengajaran bagi membolehkan kawalan yang luas ke atas persekitaran mereka berkaitan dengan murid, kaedah maklum balas dan penyeliaan (Mohd Roslan, et. al, 2016). Tambahan pula, dalam pengajaran mikro juga terdapat perkara terpenting yang mesti disediakan oleh bakal guru pelatih sebelum mengajar adalah rancangan pengajaran (Yoseph, Romi dan Rahayu, 2022). Ini kerana kejayaan bagi sesuatu aktiviti pengajaran dan pembelajaran adalah sebahagian besarnya ditentukan oleh peranan seseorang guru dalam menyediakan rancangan pengajaran. Kemudian, melaksanakan aktiviti pengajaran mikro dengan menggunakan kemahiran pengajaran yang dipilih dalam satu jangka masa tertentu.

Tinjauan Literatur

Kajian-kajian lepas tentang pengajaran mikro telah banyak dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Antaranya kajian yang dijalankan oleh Intan, Qisthina, Silvia, Intan Wahyuni dan Fauziah (2023) tentang pembelajaran mikro dalam mengembangkan kreativiti mengajar guru tadika. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menganalisis peranan pembelajaran mikro dalam mengembangkan kreativiti mengajar guru tadika di Raudhatul Athfal. Metodologi yang digunakan adalah kajian literatur dengan mengumpulkan data dari pelbagai sumber seperti jurnal ilmiah, buku, artikel dan penerbitan yang relevan dengan topik ini. Data yang dianalisis meliputi konsep pembelajaran mikro dan kemahiran mengajar guru di tadika Raudhatul Athfal. Hasil analisis menunjukkan bahawa pembelajaran mikro dapat memberikan pelbagai peluang kepada guru tadika di Raudhatul Athfal untuk mengembangkan kemahiran mengajar mereka. Dalam konteks pengajaran mikro, guru mempunyai peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan murid, memahami keperluan dan minat mereka serta merancang strategi pengajaran yang bersesuaian dengan ciri-ciri setiap murid. Melalui pendekatan ini, guru dapat mengaplikasikan variasi teknik dan kaedah pembelajaran yang kreatif termasuk penggunaan media dan teknologi, simulasi, permainan, dan kolaborasi antara murid-murid.

Selain itu, terdapat kajian daripada Tutiariani, Fitri, Ridwin, Nanda dan Herman (2023) tentang prestasi penglibatan pelajar dalam kemahiran pengajaran asas pengajaran mikro. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan soal selidik untuk pengumpulan data. Data diproses berdasarkan skala piawai dalam penilaian kemahiran asas mengajar menggunakan skala Likert. Kajian ini juga menyatakan bahawa kelemahan guru pelatih boleh dilihat dalam organisasi penerangan bahan yang

tidak mencukupi, memberikan contoh yang relevan dan mengaplikasikan kaedah pembelajaran yang menyeronokkan. Hasil kajian ini membuktikan bahawa pengajaran mikro mempunyai kesan positif dalam membantu guru-guru pelatih menjadi lebih yakin, memperoleh pengalaman, mengajar pelajaran dengan berkesan, berkomunikasi dengan berkesan, menyelesaikan pelajaran, mengurus bilik darjah, merancang lebih awal dan menguruskan masa mereka dengan berkesan.

Kajian yang dijalankan oleh Park (2022) adalah bertujuan untuk menyiasat bagaimana guru praperkhidmatan bagi program pengajian Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) melaksanakan dan mencerminkan prestasi pengajaran mereka melalui aktiviti pengajaran mikro. Kajian ini melibatkan peserta kajian seramai 22 guru praperkhidmatan EFL Korea di sebuah kolej pendidikan. Kajian ini telah mengadaptasi kerangka konseptual daripada Amobi (2005) tentang refleksi pengajaran mikro, refleksi sendiri guru praperkhidmatan terhadap pengajaran mikro dan juga senarai semak maklum balas rakan sebaya. Instrumen kajian yang digunakan adalah analisis kandungan untuk menganalisis data. Dapatan daripada kajian ini telah menunjukkan bahawa amalan pengajaran dalam kalangan peserta kajian mempunyai pelbagai gaya dalam pengajaran untuk menerangkan, memaklumkan, menepati dan membina semula pengajaran mikro. Kajian ini juga mendapati bahawa peserta kajian mencapai kemajuan prestasi diri melalui latihan pengajaran mikro yang dilaksanakan.

Kajian lepas daripada Dirgantoro dan Soesanto (2021) tentang pengajaran mikro yang efektif secara *blended learning* bagi bakal guru matematik untuk melihat keberkesanan pengajaran mikro tersebut secara dalam talian berasaskan pembelajaran teradun. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjalankan kajian kepada 35 orang pelajar program pengajian pendidikan matematik tahap 3. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan instrumen seperti rubrik pengajaran mikro, soal selidik dan temu bual bertulis berkenaan keberkesanan pengajaran mikro. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa pengajaran mikro yang dijalankan secara dalam talian berasaskan pembelajaran teradun (*synchronous dan asynchronous*) masih dianggap berkesan dalam membangunkan kemahiran pengajaran pelajar-guru. Hasil ini telah diperoleh berdasarkan analisis instrumen kajian (rubrik hasil pengajaran mikro, rubrik, dan temu bual bertulis) dengan menjelaskan mereka belajar cara menyediakan strategi, media dan pembelajaran yang menarik untuk membantu pelajar menikmati proses pembelajaran dan pembelajaran teradun yang berkualiti bagi mencapai objektif pembelajaran.

Selain itu, terdapat kajian tentang profil efikasi diri bakal guru mengenai teori dan amali pengajaran mikro dalam pendidikan matematik yang dijalankan oleh Putri Wahyuni dan Fitriana pada tahun 2019. Kajian ini bertujuan untuk menentukan profil efikasi sendiri bakal guru dari aspek teori dan amalan pengajaran mikro pendidikan matematik. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif yang melibatkan semua pelajar, iaitu 94 orang dalam jurusan pendidikan matematik semester enam di Universiti Islam Riau. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah triangulasi dengan teknik pengumpulan data dalam bentuk soal selidik, temu bual dan dokumentasi. Keputusan analisis data adalah berdasarkan penunjuk bagi setiap dimensi efikasi sendiri yang diukur memperoleh jumlah skor purata penunjuk dalam dimensi 1 tahap (Tahap) ialah 287.3, dalam dimensi 2 kekuatan (kekuatan) ialah

287.6, dalam dimensi 3 Generalisasi (Umum) ialah 290. Hasil kajian menunjukkan bahawa profil efikasi sendiri bakal guru dalam teori dan amalan pengajaran mikro dalam pendidikan matematik berada dalam kategori tinggi.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang digunakan adalah bertumpu kepada penjelasan tentang apa yang unik bagi sesuatu reka bentuk kajian serta pengalaman dan pengetahuan yang dipelajari dan diperoleh daripadanya (Othman Lebar, 2022). Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat beberapa kes tentang kefahaman dan kesediaan pelajar-pelajar program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK) di Universiti Melaka terhadap pelaksanaan pengajaran mikro memandangkan kemasukan pelajar-pelajar ini tidak melalui proses ujian MedSI dan temuduga seperti yang dilaksanakan di Universiti Awam.

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar program DPAKK di Universiti Melaka yang mempunyai seramai 893 orang dari semester satu hingga semester enam. Daripada jumlah populasi, pengkaji hanya memilih sampel kajian seramai tiga orang pelajar sahaja. Namun begitu, dapatan akhir kajian ini nanti tidak boleh digeneralisasikan kepada pelajar-pelajar DPAKK di institusi pengajian tinggi yang lain kerana populasi dan sampel kajian hanya melibatkan pelajar-pelajar program DPAKK di Universiti Melaka sahaja.

Memandangkan kajian ini adalah berbentuk kualitatif, tidak terdapat peraturan untuk menentukan saiz sampel tetapi kebiasaannya sampel kecil seperti satu hingga tujuh orang sudah memadai asalkan sampel tersebut telah memenuhi semua kriteria dalam pensampelan (Ghazali dan Sufean, 2018). Oleh itu, pemilihan sampel kajian ini dibuat secara pensampelan bertujuan kerana pengkaji ingin melihat ciri-ciri tertentu sahaja yang dipilih sebagai responden kajian berdasarkan tujuan khusus penyelidikan (Ghazali dan Sufean, 2018). Ciri-ciri responden yang dipilih adalah seperti berikut:

- i. Pelajar telah mengambil kursus Pedagogi dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak
- ii. Pelajar telah mempelajari topik pengajaran mikro kursus Pedagogi dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- iii. Pelajar telah melaksanakan aktiviti pengajaran mikro

Instrumen kajian yang digunakan adalah protokol temu bual yang mengandungi dua (2) soalan. Soalan temu bual telah melalui fasa kesahan daripada pakar untuk melihat kesesuaian kandungan soalan


yang digunakan dan juga struktur ayat yang akan ditanyakan dalam soalan. Soalan-soalan temu bual adalah seperti berikut:

- i. Apakah yang anda faham tentang kemahiran dalam pengajaran mikro?
- ii. Apakah persediaan yang anda lakukan sebelum melaksanakan aktiviti pengajaran mikro?

Analisis data bagi kajian ini dibuat secara tematik dengan menggunakan kaedah manual dalam proses menganalisis data. Dalam proses temu bual yang dijalankan, pengkaji telah menggunakan rakaman audio dan kemudian memuatnaik rakaman audio tersebut dengan menggunakan perisian transkriptor untuk mendapatkan transkrip penuh temu bual yang telah dijalankan ke atas tiga orang peserta kajian. Kemudian, pengkaji meminta peserta-peserta kajian untuk menyemak kembali jawapan-jawapan yang telah diberikan dan mengesahkan transkrip temu bual tersebut sekiranya mereka berpuas hati dengan jawapan-jawapan yang diberikan dalam sesi temu bual yang telah dijalankan.

Dapatan Kajian

Dalam kajian ini, dapatan pertama diperolehi melalui temu bual yang telah dijalankan untuk menjawab persoalan kajian pertama, iaitu kefahaman pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak tentang kemahiran pengajaran mikro. Dapatan kajian bagi soalan temu bual yang pertama telah dianalisis. Pengkaji telah mengasingkan dapatan temu bual pertama mengikut tema yang utama berdasarkan daripada analisis transkripsi temu bual tersebut. Antara tema yang ditemukan bagi kefahaman pelajar adalah konsep pengajaran mikro dan kemahiran pengajaran.



Pengajaran mikro merupakan satu amalan yang biasanya dilakukan oleh bakal-bakal guru pelatih sebelum mereka menjalani latihan mengajar yang sebenar di sekolah. Pengajaran mikro yang dilaksanakan boleh dilakukan di mana-mana tempat kerana ia merupakan satu set bentuk latihan simulasi pengajaran. Ketiga-tiga peserta kajian (PK) dapat mengemukakan konsep pengajaran mikro dengan baik. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

- PK 1 : pengajaran mikro ni bentuk simulasi mengajar sebelum kita pergi praktikum*
- PK 2 : dia macam satu set simulasi pengajaran macam pengajaran sebenar tapi tak buat di sekolah*
- PK 3 : latihan mengajar secara simulasi yang dibuat di mana-mana tempat*

Dalam pengajaran mikro juga, terdapat beberapa kemahiran pengajaran yang perlu dikuasai oleh bakal-bakal guru pelatih. Kemahiran pengajaran mikro merangkumi tujuh kemahiran, iaitu kemahiran set induksi, kemahiran penerangan, kemahiran variasi rangsangan, kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar, kemahiran penyoalan, kemahiran pengukuhan dan kemahiran penutup. Namun, dalam dapatan temu bual yang diperolehi, PK 1 dan PK 2 tidak dapat mengemukakan kemahiran pengajaran dengan lengkap. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

- PK 1 : Okey apa yang saya faham tentang kemahiran pengajaran dalam pengajaran mikro yang saya belajarlah ada lima kemahiran pelajaran, iaitu kemahiran set induksi, kemahiran penerangan, kemahiran variasi rangsangan, kemahiran penyoalan dan kemahiran kemahiran penutup.*
- PK 2 : Kemahiran soal jawab, kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar dan kemahiran penerangan.. Itu je lah yang saya ingat saya.*


Walau bagaimanapun, dapatan kajian soalan pertama ini menunjukkan bahawa PK 3 dapat mengemukakan jawapan dengan lengkap tentang kemahiran dalam pengajaran mikro. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

- PK 3 : Kalau tak silap saya, ada tujuh, yang pertama set induksi, kemudian ada kemahiran variasi rangsangan, penerangan, penyoalan, penggunaan BBM, pengukuhan, penutup.*

Berdasarkan daripada dapatan temu bual pertama, pengkaji dapat merumuskan bahawa ketiga-tiga peserta kajian ini mempunyai kefahaman yang tinggi bagi tema konsep pengajaran mikro. Melalui temu bual yang dijalankan, mereka dapat menjelaskan konsep pengajaran mikro tersebut dengan betul. Namun begitu, untuk tema kemahiran pengajaran mikro pula, hanya seorang peserta kajian yang dapat mengemukakan tujuh jawapan dengan lengkap dan dua orang peserta kajian lain masing-masing hanya dapat mengemukakan lima jawapan dan tiga jawapan sahaja.

Seterusnya, bagi dapatan kedua untuk menjawab persoalan kajian kedua, iaitu kesediaan pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi aktiviti pelaksanaan pengajaran

mikro. Dapatan kajian bagi soalan temu bual yang kedua telah dianalisis. Pengkaji telah mengasingkan dapatan temu bual pertama mengikut tema yang utama berdasarkan daripada analisis transkripsi temu bual tersebut. Antara tema yang ditemukan bagi kesediaan pelajar adalah rancangan mengajar, masa dan bahan yang digunakan dan penilaian.



Kesediaan merupakan aspek penting bagi seseorang bakal guru pelatih untuk mengorganisasikan sesuatu aktiviti pengajaran mikro. Aktiviti pengajaran mikro merupakan pengenalan awal kepada mereka untuk meningkatkan penguasaan dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Tema pertama yang ditemukan adalah rancangan pengajaran. Rancangan pengajaran perlu disediakan untuk pengajaran mikro sebagai persediaan mereka menjalankan aktiviti tersebut. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual oleh ketiga-tiga peserta kajian tersebut:

- PK 1 : kita perlu menyediakan RPS mengikut kesesuaian pengajaran mikro, iaitu pengajaran yang tidak perlu lebih daripada 10 minitlah*
- PK 2 : sediakan rancangan pengajaran slot supaya boleh arrange masa dengan baik*
- PK 3 : sebelum nak buat aktiviti pengajaran mikro tu mesti ada lesson plan*

Selain itu, tema kedua bagi kesediaan pelajar adalah dari segi masa. Dalam aktiviti pengajaran mikro, masa yang diperuntukkan dalam aktiviti pengajaran mikro juga perlu digunakan sebaiknya agar tidak melebihi had masa yang ditetapkan. Bakal-bakal guru pelatih perlu melaksanakan pengajaran mikro dengan menggunakan satu kemahiran sahaja yang dipilih. Namun, PK 1 memberikan gambaran bahawa pengajaran mikro perlu menggunakan semua kemahiran pengajaran. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

- PK 1 : Daripada set induksi, penerangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran sampailah penutup dirancang tidak lebih daripada 10 minit.*

Walau bagaimanapun, PK 2 dan PK 3 pula memberikan gambaran bahawa 10 minit adalah masa maksimum yang ditetapkan untuk seseorang bakal guru pelatih melaksanakan aktiviti pengajaran mikro dengan menguasai kemahiran pengajaran tertentu sahaja. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

PK 2 : Satu kemahiran pengajaran yang betul-betul perlu kuasai untuk pengajaran mikro

PK 3 : Kalau pilih kemahiran set induksi, kena kuasai betul-betullah kemahiran tu untuk jangka masa yang ditetapkan

Tema ketiga adalah berkaitan dengan bahan yang digunakan dalam aktiviti pengajaran mikro. Bahan bantu mengajar amat penting bagi seseorang guru untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama murid. Dalam konteks pengajaran mikro pula, bahan yang digunakan mesti menarik dan dapat merangsang rakan pelatih yang berperanan sebagai murid. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

PK 1 : Bahan bantu mengajar tu mesti menarik sebab nak bagi rangsangan pada rakan-rakan

PK 2 : Nak laksanakan ni, mesti ada bahan yang menarik

PK 3 : Ada bahan bantu mengajar sebagai sokongan

Dalam pada itu, penilaian daripada pelaksanaan aktiviti pengajaran mikro juga adalah aspek yang penting kepada bakal guru-guru pelatih untuk merancang semula pengajaran dan melaksanakannya bagi memperbaiki kelemahan diri. Namun, daripada dapatan temu bual yang diperolehi menunjukkan bahawa ada dalam kalangan peserta kajian yang keliru tentang penilaian yang dibuat dalam pengajaran mikro. Ini dapat dikukuhkan lagi dengan kenyataan atau kod yang berkaitan dari petikan temu bual tersebut:

PK 1 : Yang nilai tu gurulah kot

PK 2 : Penilaian dibuat oleh pensyarah mungkin

PK 3 : Rakan-rakan kita kot yang akan nilai

Jawapan yang diperolehi ini telah menunjukkan bahawa ketiga-tiga peserta kajian mempunyai sedikit keraguan untuk memberikan jawapan tentang siapa yang akan membuat penilaian dalam aktiviti pengajaran mikro yang dijalankan. Biasanya, penilaian pengajaran mikro akan dilakukan oleh pensyarah dan rakan pelatih semasa aktiviti pengajaran tersebut dilaksanakan.

Perbincangan Kajian

Perbincangan kajian dibahagikan kepada dua objektif kajian, iaitu (i) meneroka kefahaman pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak tentang kemahiran pengajaran mikro dan (ii) meneroka kesediaan pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi aktiviti pelaksanaan pengajaran mikro.

- i. Kefahaman pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak tentang kemahiran pengajaran mikro

Hasil dapatan kajian bagi objektif pertama telah menunjukkan bahawa kefahaman pelajar tentang kemahiran pengajaran mikro berada pada tahap yang baik. Buktinya, pengkaji telah mendapati bahawa ketiga-tiga peserta kajian dapat memberikan jawapan bagi konsep pengajaran mikro dengan tepat walaupun terdapat dua daripada mereka yang tidak dapat mengemukakan jawapan yang lengkap tentang kemahiran pengajaran. Sebagai seorang bakal guru pelatih, mereka seharusnya telah dapat memahami tentang konsep pengajaran mikro dan bagaimana pelaksanaannya sebagai persediaan awal sebelum menjalani latihan mengajar kelak. Sekiranya kefahaman tentang pengajaran mikro ini tidak dapat dikuasai dengan baik, berkemungkinan ia boleh menjejaskan prestasi bakal guru pelatih kerana tidak tahu cara untuk mengaplikasikan kemahiran dalam pengajaran dan apa yang telah dipelajari sewaktu di universiti. Dapatan ini juga selaras dengan hasil kajian lepas yang telah dijalankan oleh Tutiariani, Fitri, Ridwin, Nanda dan Herman (2023) yang menyatakan bahawa pengajaran mikro mempunyai kesan positif dalam membantu guru-guru pelatih menjadi lebih yakin, memperoleh pengalaman, mengajar pelajaran dengan berkesan, berkomunikasi dengan berkesan, menyelesaikan pelajaran, mengurus bilik darjah, merancang lebih awal dan menguruskan masa mereka dengan berkesan.

- ii. Kesediaan pelajar semester III Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak bagi aktiviti pelaksanaan pengajaran mikro

Hasil dapatan bagi objektif kedua pula telah menunjukkan bahawa kesediaan pelajar bagi aktiviti pelaksanaan mikro juga berada pada tahap baik tetapi masih perlu diperbaiki dari segi organisasi pelaksanaannya. Pengkaji mendapati bahawa ada peserta kajian yang masih belum memahami cara pelaksanaan aktiviti pengajaran mikro. Buktinya, ada dalam kalangan peserta kajian telah menjelaskan bahawa kesemua kemahiran pengajaran perlu digunakan dalam aktiviti pengajaran mikro sedangkan hanya satu kemahiran sahaja yang perlu dikuasai oleh bakal guru pelatih. Selain itu, dari segi penilaian pengajaran mikro juga perlu ditekankan kerana ketiga-tiga peserta kajian masih ragu-ragu untuk memberikan jawapan yang tepat. Apabila bakal guru pelatih benar-benar bersedia untuk melaksanakan aktiviti pengajaran mikro ini, maka mereka akan terbiasa dengan amalan pengajaran yang betul dan

seterusnya mereka boleh melaksanakan aktiviti pengajaran tersebut dengan jayanya. Dapatan ini juga selaras dengan hasil kajian lepas yang telah dijalankan oleh Park (2022) bahawa amalan pengajaran dalam kalangan peserta kajian mempunyai pelbagai gaya dalam pengajaran untuk menerangkan, memaklumkan, menepati dan membina semula pengajaran mikro dan peserta kajian berjaya mencapai kemajuan prestasi diri melalui latihan pengajaran mikro yang dilaksanakan.

Kesimpulan

Berdasarkan daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pengajaran mikro sememangnya penting kepada semua bakal guru pelatih kerana ia merupakan satu bentuk simulasi pengajaran sebelum mereka menjalani latihan mengajar yang sebenar di sekolah. Setiap orang bakal guru pelatih perlu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan kanak-kanak di tadika atau prasekolah. Seperti yang kita ketahui, kanak-kanak menginginkan sesuatu aktiviti yang menyeronokkan buat mereka dan sememangnya juga tidak lari daripada adanya unsur bermain dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu, bakal guru pelatih terutamanya mereka yang mengambil jurusan Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak perlu lebih kreatif dalam membuat perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan pendidikan pada masa kini supaya pelaksanaan aktiviti tersebut dapat memberi kepuasan kepada kanak-kanak.

Rujukan

- Ahmad Fikrul Amin. (2023). Pengetahuan Dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Tinjauan Guru Pendidikan Islam Di Zon Keramat. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, Volume 3, Issue 4, 2023.
- Asma Hilmi, Zarima Mohd Zakaria & Ai Fatimah Nur Fuad. (2020). Tahap Pengetahuan Guru Bahasa Arab Dalam Melaksanakan Kelas Berbalik. *MJSSH Online*, 4(3), 50-67.
- Dirgantoro, K. P. S., & Soesanto, R. H. (2021). Efektivitas pengajaran mikro berbasis blended learning bagi mahasiswa calon guru matematika. *Teorema: Teori dan Riset Matematika*, 6 (2), 139-149.
- Dirgantoro, K. P. S. (2020). Analisis Kinerja Mahasiswa Pendidikan Matematika Dalam Pengajaran Mikro Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Matematika dan Matematika*. Volume 6, No. 1 2020.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hafizah, Ari Kurniawan, Syamsu Hidayat & Dyah Utami. (2023). Pelatihan Micro Teaching dalam Upaya Meningkatkan Keahlian Berbicara dalam Bahasa Inggris di wilayah Jagakarsa. *Jurnal Pengabdian Masyarakat Bhinneka (JPMB)*, Volume 1, No. 3, Tahun 2023.

- Intan, Qisthina, Silvia, Intan Wahyuni & Fauziah. (2023). Pembelajaran Mikro Dalam Mengembangkan Kreativitas Mengajar Guru RA (Raudhatul Athfal). *INNOVATIVE: Journal of Social Science Research*, Volume 3 Nomor 2 Tahun 2023 Page 5797-5812.
- Kamarudin, Abdullah, Abdul Kadir & Mohd Rashid. (2014). *Pedagogi Asas Pendidikan (Edisi Baharu)*. Tanjong Malim: Emeritus Publications.
- Kidd, W. & Murray, J. (2020). The Covid-19 pandemic and its effects on teacher education in England: how teacher educators moved practicum learning online. *European Journal of Teacher Education*, 43(4). <https://doi.org/10.1080/02619768.2020.1820480>
- Kilic, A. (2010). Learner-Centered Micro Teaching in Teacher Education. *International Journal of Instruction*. Vol. 3(1), pp: 77-100.
- Mohd Khairezan. (2019). Pengajaran Mikro: Impaknya Terhadap Pengajaran Guru. Fakultas Pendidikan, Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Roslan, et. al., (2016). *Praktikum: Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran, Amalan Terbaik Guru*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Murtafiah, W., Lukitasari, M., Lestari, N. S. D., Zayyadi, M., & Widodo, S. A. (2022). Decision Making Students Winning Microteaching Contest in Designing Lesson Plan and Implementation in Mathematics Learning. *Cypriot Journal of Educational Science*. 17(6), 2045-2060. <https://doi.org/10.18844/cjes.v17i6.7497>.
- Othman Lebar. (2022). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Park, E., (2022). The Reflectivity of EFL Preservice Teachers in Microteaching Practice. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, Vol. 21, No. 4, pp. 186-204.
- Putri Wahyuni & Fitriana. (2019). Profil Self Efficacy Mahasiswa Calon Guru Pada Mata Kuliah Teori Dan Praktek Pengajaran Mikro Pendidikan Matematika. *Jurnal Penelitian Pendidikan Matematika*, Vol. 12, No. 2.
- Setyo & Beny. (2022). An Analysis of Competency Achievement of Elementary Teacher Candidates in Micro-Teaching during the Covid-19 Pandemic. *Jurnal Basicedu*, Volume 6 Nomor 3 Tahun 2022 Halaman 4016 – 4024.
- Tutiariani, Fitri, Ridwin, Nanda & Herman. (2023). Participation Performance of Students' Basic Teaching Skills in Microteaching. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan*. Vol.15, 2 (June, 2023), pp. 2441-2448.
- Yoseph, Romi & Rahayu. (2022). The Effectiveness Of The Use Of Rpp By Field Practice Teachers (Pl) In The Learning Process At The State High School Of 1 Tondano. *Jurnal Pendidikan Mandala*, Vol. 7. No. 4.
- Zalavra, E., & Makri, K., 2022. Relocating Online a Technology-Enhanced Microteaching Practice in Teacher Education: Challenges and Implications. *The Electronic Journal of e-Learning*, 20(3), pp. 270-283